Pulau Burung landfill site is a stable landfill which produces matured leachate that contains high concentration of recalcitrant organic compound and ammoniacal nitrogen. Hence, biological treatment is impractical in comparison with other physico-chemical treatments such as adsorption. Considering the limitations in the use of conventional adsorbents such as activated carbon dan zeolite which are expensive and with limited adsorption capacity, a new composite adsorbent that combines zeolite, limestone, activated carbon and rice husk charcoal waste was studied in this research. Random optimization studies indicated that the combination of 45.94% of zeolite, 15.31% limestone, 4.38% of activated carbon, 4.38% rice husk charcoal waste and 30% OPC (binder) exhibited excellent absorption capability. Optical microscope and x-ray diffraction studies indicate the carbon particle and the presence of mineral phases of mordenite and calcite in the composite adsorbent material. The new composite adsorbent was used in the isotherm study for ammoniacal nitrogen, COD, colour and iron in Pulau Burung leachate at optimum pH of 7, 200 rpm of shaking speed, 18-2.36mm of particle size and 105 minutes of contact time. The respective adsorption capacity for each parameter was 24.39 mg/g, 22.99 mg/g, 22.57 mg/g and 0.12 mg/g. Comparative study indicated that the adsorption capacity of the composite adsorbent on ammoniacal nitrogen was higher than zeolite and activated carbon and at par to activated carbon for COD, colour and iron. Column adsorption studies showed better results with 99% removal for ammoniacal nitrogen, COD and colour and complete for iron. Findings on the kinetic studies revealed that the new composite adsorbent followed almost all the kinetic

models namely pseudo-first-order, pseudo-second-order, Elovich and intra-particle diffusion, with pseudo-second-order being the most dominant. Composite adsorbent was able to be reused after regeneration process using 0.5M NaCl at pH 11 to 12 (adjusted by 1M NaOH) with adsorption capacities for ammoniacal nitrogen, COD, colour and iron were 28.41 mg/g, 14.01 mg/g, 20.75 mg/g and 0.09 mg/g, respectively. The composite adsorbent showed a combined chemical and physical adsorption properties which correspond accordingly with the properties of the raw materials used. The adsorbent is very competitive in term of cost, better adsorption capacity and ability to be regenerated compared with other conventional adsorbents such as activated carbon and zeolite.

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 Pengenalan**

Salah satu kesan daripada proses pembangunan pesat yang melanda negara adalah peningkatan kuantiti sisa pepejal yang dihasilkan setiap hari. Sebagai negara yang akan menuju kepada negara maju menjelang tahun 2020, Malaysia tidak dapat lari dari masalah dalam pengurusan sisa pepejalnya. Penghasilan sisa pepejal per kapita telah meningkat dua kali ganda dari 0.5kg/kapita/hari pada awal 1980an kepada 1kg/kapita/hari pada 2001 (Agamuthu, 2001). Pengurusan sisa pepejal melibatkan pengawalan penghasilan sisa, penyimpanan, pengumpulan, pemindahan dan pengangkutan, pemprosesan serta pelupusan sisa pepejal dalam kaedah yang secara prinsipnya paling baik untuk kesihatan umum, ekonomi, kejuruteraan, pemuliharaan, estetika dan alam sekitar. Pengurusan sisa juga melibatkan semua aspek pentadbiran, kewangan, perundangan, perancangan dan fungsi kejuruteraan yang berkaitan.

Salah satu aspek penting dalam pengurusan sisa pepejal perbandaran ialah pengurusan larut lesapan. Larut lesapan adalah cecair berwarna perang kehitaman yang terhasil akibat peresapan air melalui sisa pepejal yang membawa bersama-sama segala kotoran hasil dari aktiviti penguraian sisa pepejal tersebut sama ada dalam bentuk terlarut atau pepejal terampai (Senior, 1995). Larut lesapan mengandungi kuantiti bahan pencemar seperti ammonia dan bahan-bahan organik yang sangat tinggi. Oleh itu, olahan larut lesapan adalah aspek yang sangat penting dalam pengurusan larut lesapan supaya pencemaran alam sekitar dapat dielakkan kerana ia mampu mecemarkan sistem air permukaan dan air bumi jika tidak diolah

dengan sempurna (Tatsi, et.al. 2003). Beberapa insiden pencemaran air sungai yang menjadi sumber air utama telah dilaporkan dalam media cetak (Lampiran 1).

### **1.1 Pengurusan Larut Lesapan**

Larut lesapan yang dihasilkan dari tapak pelupusan perlu dikendalikan dengan sebaiknya bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar. Pengurusan larut lesapan melibatkan kaedah meminimumkan isipadu larut lesapan, kaedah pengumpulan, pemantauan, olahan dan pelupusan. Bagi sesetengah tapak pelupusan, larut lesapan dikitar semula ke dalam tapak pelupusan untuk meningkatkan kualiti dan mengurangkan isipadu larut lesapan. Bagi mengelakkan larut lesapan meresap jauh ke dalam tanah, tapak pelupusan bersanitari dilapik dengan lapisan tak telap air. Biasanya bahan yang digunakan untuk tujuan tersebut ialah tanah lempung dan geotekstil. Paip-paip dipasang secara mendatar di atas permukaan tersebut untuk mengalirkan larut lesapan ke kolam pengumpulan melalui satu paip utama. Larut lesapan yang terkumpul boleh dikitar semula ke dalam tapak pelupusan atau diolah untuk dilupuskan. Kaedah olahan yang sesuai harus dipilih berdasarkan keadaan larut lesapan yang banyak dipengaruhi oleh umur tapak pelupusan.

### **1.2 Olahan Larut Lesapan**

Kaedah olahan yang digunakan bergantung kepada komposisi dan ciri-ciri larut lesapan (Alvarez-Vazquez, 2004), keadaan bahan organik yang hadir, umur dan struktur tapak pelupusan. Antara kaedah yang biasa digunakan ialah olahan biologi, olahan fisiko-kimia, proses pengoksidaan kimia termaju, sistem semulajadi seperti pembinaan di tanah paya (Martin dan Moshiri, 1994; Martin et al., 1999; Mæhlum, 1995; Barr dan Robinson, 1999; Klomjek dan Nitisoravut, 2005) dan pengitaran semula larut lesapan (Lee et al., 2002; Reinhart, 1996; Reinhart dan Al-Yousfi, 1996;

Warith et al., 2001) yang bukan sahaja untuk meminimumkan kandungan bahan toksik dalam larut lesapan tetapi juga untuk memenuhi keperluan piawai pelupusan larut lesapan sesebuah negara.

Olahan secara biologi selalunya digunakan untuk merawat larut lesapan yang mengandungi kepekatan BOD yang tinggi (Uygur dan Kargi, 2004) kerana kebolehpercayaannya, ringkas dan keberkesanan kosnya (Kurniawan et al., 2006). Olahan secara biologi berkesan untuk merawat larut lesapan muda (boleh biorosot) tetapi kurang berkesan bagi larut lesapan matang yang mengandungi bahan-bahan organik stabil yang sukar dibiorosotkan. Kaedah olahan secara fisiko-kimia didapati berkesan bukan sahaja untuk menyingkirkan bahan-bahan organik tegar dari larut lesapan stabil malahan boleh juga digunakan sebagai proses pasca olahan bagi larut lesapan yang telah diolah secara biologi. Antara kaedah fisiko-kimia yang selalu digunakan ialah pemendakan kimia dan penjerapan menggunakan karbon teraktif dan penukar ion buatan atau semulajadi.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Masalah-masalah yang timbul dari aktiviti pelupusan sisa pepejal di Malaysia semakin kritikal akibat pengurusan dan reka bentuk tapak-tapak pelupusan sisa pepejal yang lemah dan tidak mengikut spesifikasi kualiti alam sekitar yang sepatutnya. Kebanyakan tapak-tapak pelupusan sisa pepejal di negara ini dan di mana-mana negara sedang membangun umumnya adalah secara pembuangan terbuka yang tidak dilengkapi dengan sistem sanitari dan olahan larut lesapan. Kebanyakannya tidak mempunyai kemudahan olahan larut lesapan. Larut lesapan dari tapak-tapak pelupusan yang tidak direkabentuk dengan sempurna ini boleh mencemarkan alam sekitar terutama sekali sistem air permukaan dan air bumi. Kejadian ini pernah berlaku di Selangor di mana larut lesapan dari tapak pelupusan

sampah Bukit Tagar telah mencemarkan Sungai Selangor dan menyebabkan bekalan air di beberapa daerah di negeri itu berbau busuk seperti najis (Utusan Malaysia, 5 Mac 2006). Laporan-laporan akhbar tentang pencemaran sungai oleh larut lesapan ditunjukkan dalam Lampiran A. Nitrogen berammonia, logam, warna dan COD adalah antara parameter yang diberi perhatian di tapak-tapak pelupusan. Pasukan penyelidik USM juga memberi tumpuan terhadap penyelidikan ke atas penyingkiran logam-logam berat, nitrogen berammonia, COD dan warna dari larut lesapan yang kurang didokumentasikan terutama sekali di Malaysia.

Kepekatan ammonia dalam larut lesapan adalah sangat tinggi dan boleh bertahan dalam jangka waktu yang lama. Kepekatan ammonia dalam larut lesapan dari Tapak Pelupusan Pulau Burung (PBLS) boleh mencapai 1909 mg/L (Aziz et al., 2004) walaupun larut lesapan di sini menjalani proses kitar semula. Kaedah olahan secara biologi kurang sesuai digunakan untuk menyingkirkan ammonia dalam larut lesapan stabil kerana kepekatan ammonia dan logam yang tinggi boleh membantutkan aktiviti biologi mikroorganisma. Kaedah fisikokimia seperti pemendakan kimia dan penjerapan karbon teraktif selalu digunakan. Kaedah pemendakan kimia baik bagi penyingkiran bahan-bahan organik tegar dari larut lesapan stabil tetapi kurang berkesan bagi penyingkiran ammonia. Begitu juga penjerapan karbon teraktif hanya baik untuk penyingkiran COD tetapi kurang berkesan bagi penyingkiran ammonia dalam julat kepekatan tinggi seperti dalam larut lesapan. Penyingkiran nitrogen berammonia melalui proses penjerapan boleh dijalankan dengan berkesan secara pertukaran kation menggunakan resin penukar ion atau penukar ion semulajadi seperti zeolit. Zeolit tidak wujud secara semulajadi di Malaysia, oleh itu ia perlu diimport dari negara luar dan menyebabkan secara relatif harganya mahal.

Kandungan bahan-bahan organik dalam larut lesapan dapat diukur dengan nilai permintaan oksigen kimia (COD). Selain nitrogen berammonia, COD adalah satu lagi parameter utama yang bermasalah dalam larut lesapan. Olahan biologi berkesan menyingkirkan COD dari larut lesapan muda di mana nisbah BOD/CODnya masih tinggi (Berruetta and Castrillón, 1992). Bagi larut lesapan PBLS yang mula memasuki fasa stabil (Aziz et al., 2004), kandungan sebatian organik tegarnya tinggi dan sukar dibiorosotkan menjadikan olahan secara biologi kurang berkesan. Kajian terdahulu menunjukkan kandungan COD dan nitrogen berammonia boleh mencapai masing-masing 2580 mg/L dan 1030mg/L dan nisbah BOD/COD adalah rendah sehingga 0.02-0.06 (Aziz et al., 2005). Pemendakan kimia dan penjerapan dengan karbon teraktif didapati berkesan menyingkirkan sebatian organik tegar dari larut lesapan stabil tetapi kurang berkesan dalam penyingkiran nitrogen berammonia.

Setakat ini sangat kurang bahan penjerap yang berupaya menyingkirkan secara serentak nitrogen berammonia dan COD dengan berkesan. Walaupun karbon teraktif berkesan menyingkirkan COD tetapi kurang berkesan menyingkirkan ammonia pada kepekatan tinggi manakala zeolit berkesan untuk penyingkiran nitrogen berammonia tetapi kurang berkesan untuk penyingkiran COD. Dalam olahan larut lesapan, kedua-dua bahan penjerap tersebut digunakan secara bersama, sama ada dicampurkan dalam turus yang sama atau berada dalam dua turus yang berasingan. Pengendalian olahan dan proses regenerasi akan lebih mudah sekiranya terdapat satu bahan tunggal yang boleh bertindak seperti karbon teraktif dan zeolit. Parameter lain yang berpotensi menimbulkan masalah alam sekitar ialah warna dan ferum.

Sejak kebelakangan ini banyak tumpuan diberikan terhadap penyediaan bahan-bahan penjerap komposit. Bahan penjerap komposit disediakan bukan sahaja untuk memperbaiki ciri-ciri dan keupayaan penjerap tetapi juga untuk menghasilkan bahan penjerap yang lebih murah dan mudah digunakan. Bahan penjerap kos rendah adalah bahan penjerap yang murah dari segi kos bahan mentah dan penyediaannya serta boleh digunakan berkali-kali selepas menjalani proses regenerasi. Bahan penjerap komposit karbon-mineral boleh dianggap sebagai bahan penjerap baru yang mana struktur dan ciri-ciri penjerapan mungkin berbeza dari komponen individunya (Leboda, 1992, 1993). Oleh itu kajian ini bertitik tolak kepada penyediaan bahan penjerap komposit khusus untuk merawat larut lesapan stabil dari PBLS.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Matlamat utama kajian ini dijalankan ialah untuk menghasilkan bahan penjerap komposit yang mampu menyingkirkan bahan-bahan pencemar utama dalam larut lesapan seperti nitrogen berammonia, COD, warna dan ferum secara serentak. Bahan-bahan kos rendah seperti sisa buangan arang sekam padi dan batu kapur digunakan sebagai media kos rendah untuk mengantikan sebahagian daripada karbon teraktif dan zeolit bagi mengurangkan kos bahan mentah dalam penyediaan bahan penjerap komposit. Bagi mencapai matlamat tersebut beberapa objektif digariskan antaranya;

- i) Menentukan nisbah campuran optimum bagi bahan penjerap karbon teraktif dengan arang sekam padi dan batu kapur dengan zeolit.
- ii) Menentukan ciri-ciri bahan penjerap komposit yang dihasilkan.

- iii) Menentukan parameter optimum, isoterma dan kinetik penjerapan bagi bahan penjerap komposit untuk penjerapan nitrogen berammonia, COD, warna dan ferum.
- iv) Membandingkan isoterma penjerapan bahan penjerap komposit dengan bahan penjerap-bahan penjerap konvensional (zeolit, karbon teraktif dan campuran kedua-duanya).
- v) Menguji keupayaan bahan penjerap komposit yang dihasilkan terhadap proses regenerasi dan nyahjerapan.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi impak kepada kaedah olahan larut lesapan secara penjerapan. Harga yang relatifnya lebih murah dan keupayaan penjerapan yang lebih baik dengan gabungan ciri-ciri istimewa zeolit dan karbon teraktif menjadikan bahan penjerap komposit lebih kompetitif berbanding bahan penjerap konvensional lain. Dengan wujudnya bahan penjerap penjerapan yang khusus untuk merawat larut lesapan diharap para pengendali tapak pelupusan dapat merawat larut lesapan dengan lebih sempurna dan memenuhi piawai pelupusan air sisa. Kajian ini juga menggunakan bahan-bahan yang mudah didapati di negara ini antaranya sisa buangan arang sekam padi dan batu kapur.

## 1.6 Tumpuan dan Batasan Kajian

Skop kajian ini merangkumi penyediaan dan pencirian bahan penjerap komposit, kajian isoterma dan kinetik penjerapan serta perbandingannya dengan bahan penjerap konvensional yang menjadi sebahagian daripada komposisinya iaitu

karbon teraktif dan zeolit. Proses penentuan keupayaan penjerapan bahan penjerap komposit diuji untuk parameter nitrogen berammonia, COD, warna dan ferum dari larut lesapan yang diperolehi dari tapak pelupusan Pulau Burung. Parameter-parameter tersebut telah dikenalpasti antara yang signifikan dalam larut lesapan semi-aerobik Pulau Burung (Hamidi Abdul Aziz et al., 2004a, 2004b; Nasrin et al., 2007).

Pada peringkat penyediaan bahan penjerap komposit, penentuan dihadkan kepada dua parameter utama sahaja iaitu nitrogen berammonia dan COD memandangkan kedua-dua parameter tersebut adalah bahan pencemar yang paling signifikan dalam larut lesapan. Proses nyahjerapan juga hanya melibatkan penentuan nitrogen berammonia dan COD kerana kedua-dua parameter tersebut perlu disingkirkan dari permukaan bahan penjerap komposit bagi membolehkan ianya digunakan semula untuk proses penjerapan yang berikutnya.

Bagi kajian penjerapan secara berterusan, sistem penjerapan turus lapisan tetap digunakan dengan model masa sentuhan turus kosong (EBCT) dipilih dalam kajian ini.

## BAB 2

### 2.0 TINJAUAN LITERATUR

#### **2.0 TINJAUAN LITERATUR**

##### **2.1.0 Pengenalan**

OlahanOlahan larut lesapan adalah komponen penting dalam pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal. Oleh itu banyak kajian telah dijalankan sama ada untuk mereka bentuk sistem sanitari tapak pelupusan atau kaedah rawatolahan larut lesapan. Antara kaedah yang biasa digunakan untuk mengrawatolah larut lesapan ialah kaedah biologi dan fisiko-kimia. Tinjauan literatur ini memberi tumpuan kepada larut lesapan dan kaedah-kaedah rawatolahannya terutama sekali kaedah rawatolahan secara penjerapan yang menjadi fokus kepada keseluruhan kajian ini. Walau bagaimanapun aspek-aspek yang menyokong kajian ini juga dibincangkan seperti pengurusan sisa pepejal secara umum, ciri-ciri tapak pelupusan sampahsisa pepejal Pulau Burung, rekabentuk tapak pelupusan, media penjerap dan rekabentuk penjerapan.


##### **2.1 Kategori Tapak Pelupusan Sisa Pepejal**

##### **2.2 Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burung**

Tapak pelupusan sampah Pulau Burung berdekatan dengan hutan simpan  
Byram di 5° 24' N, 100° 24' E, Nibong Tebal, Pulau Pinang, Malaysia telah dipilih  
sebagai kawasan kajian bagi persampelan larut lesapan. Luas keseluruhan kawasan  
tapak pelupusan ialah 23.7 hektar dan dilengkapi dengan kolam pengumpulan yang  
menjalankan rawatan pengudaraan. Tapak pelupusan ini adalah jenis semi-aerobik


dan dilapisi oleh lapisan tanah liat laut semula jadi. Hanashima dan rakan-rakan al. (1981) telah membuat pengelasan tapak pelupusan sampah sisa pepejal berdasarkan jenis struktur binaannya. Terdapat lima jenis tapak pelupusan iaitu anaerobik, anaerobik bersanitari, anaerobik bersanitari dipertingkatkan baiki, semi-aerobik dan aerobik (Rajah 2.1 – 2.5);

i) Tapak pelupusan anaerobik – Sisa pepejal ditiup di dilonggok di satu kawasan atau di dalam lubang yang digali atau di kawasan rata atau lembah. Sisa pepejal ditimbus bersama air dan yang berada dalam keadaan anaerobik.




Rajah 0.1; Rajah 2.1: Tapak pelupusan anaerobik (Sumber: IPRU, 2008)

ii) Tapak pelupusan anaerobik bersanitari – Tapak pelupusan ditutup berselang lapis seli dengan tanah berbentuk seperti bentuk ‘sandwich’. Keadaan sisa pepajal masih anaerobik.



Rajah 0.22.2: Tapak pelupusan anaerobik bersanitari (Sumber: IPRU, 2008)


iii) Tapak pelupusan anaerobik bersanitari dipertingkatkan – Sama seperti tapak pelupusan anaerobik tetapi terdapat sistem pengumpulan larut lesapan dan kandungan lembapan lebih rendah berbanding dengan tapak anaerobik tanpa sanitari.




Lapisan tak telap air

Rajah 0.32.3: Tapak pelupusan anaerobik bersanitari dipertingkatkan ([Sumber: IPRU, 2008](#))


- iv) Tapak pelupusan semi-aerobik (Tapak kajian) – Saluran pengumpulan larut lesapan lebih besar berbanding tapak jenis anaerobik bersanitari dipertingkatkan. Bukaan saluran dikelilingi oleh udara dan saluran tersebut dilitupi dengan pecahan batu-batu kecil. Kandungan lembapan dalam sisa pepejal adalah rendah. Oksigen dibekalkan kepada sisa pepejal melalui saluran pengumpulan larut lesapan.





Rajah 0.4~~2.4~~: Tapak pelupusan semi-aerobik. (Sumber: IPRU, 2008) (Tapak kajian)

v) Tapak pelupusan aerobik – Sebagai tambahan kepada paip pengumpulan larut lesapan, paip bekalan udara juga disertakan dan udara dipaksa memasuki sisa pepejal yang menjadikannya lebih bersifat aerobik berbanding tapak semi-aerobik.



Rajah 0.5~~2.5~~: Tapak pelupusan aerobik. (Sumber: IPRU, 2008).

Kelebihan tapak pelupusan sampah/sisa pepejal jenis semi-aerobik adalah seperti berikut;

- i) Larut lesapan dialirkan keluar sebaik sahaja ianya dikutip – mengurangkan ketirisan larut lesapan.
- ii) Udara segar dibawa dari paip – mempercepatkan kestabilan sisa buangan, meningkatkan kualiti larut lesapan dan seterusnya mengurangkan kos rawatahan akhir larut lesapan.
- iii) Membebaskan gas daripada paip pengudaraan – mengurangkan tekanan gas dan kebarangkalian untuk berlakunya letupan.
- iv) Pemampatan sisa pepejal – kurangkan penggunaan tanah.
- v) Mempercepatkan kestabilan sisa buangan – kurang masa menunggu untuk guna semula tapak pelupusan yang telah ditutup (contohnya untuk buat taman rekreatif, kawasan lapang, kebun sayur dan sebagainya).
- vi) Pengurangan pembebasan metana dan meningkatkan pembebasan karbon dioksida (potensi pemanasan global metana 25 kali ganda melebihi karbon dioksida).
- vii) Kos pembinaan dan pengendalian tapak pelupusan semi aerobik lebih rendah berbanding tapak pelupusan aerobik (paip dan pam khas untuk pengudaraan tidak diperlukan).

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

## **2.2 Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Pulau Burung**

Formatted: Bullets and Numbering

Tapak pelupusan sisa pepejal Pulau Burung berdekatan dengan hutan simpan Byram di 5° 24' N, 100 ° 24'E, Nibong Tebal, Pulau Pinang, Malaysia telah dipilih sebagai kawasan kajian bagi persampelan larut lesapan. Luas keseluruhan kawasan tapak pelupusan ialah 23.7 hektar dan dilengkapi dengan kolam pengumpulan yang menjalankan olahan pengudaraan. Tapak pelupusan ini adalah jenis semi-aerobik dan dilapisi oleh lapisan tanah liat laut semulajadi.

Formatted: Font: (Default) Times New Roman


Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Position: Horizontal: 317.4 pt, Relative to: Page, Vertical: 799.9 pt, Relative to: Page

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Kawasan di sekitar tapak pelupusan ini adalah sebuah kawasan paya bakau berdekatan dengan muara Sungai Tengah. Ianya dikelilingi oleh ladang kelapa sawit, iaitu Ladang Byram. Selain dari pertanian, terdapat juga aktiviti seperti penangkapan ikan, penternakan kerang, penternakan udang dan penternakan lembu dijalankan di kawasan ini. Penempatan terdekat dari kawasan ini sejauh 3km dan jarak dari Nibong Tebal ialah 6 km. [Rajah 2.6 dan 2.7 menunjukkan kedudukan PBLS berdasarkan gambar sastelit yang diperolehi dari laman web ‘google earth’](#)



Rajah 0.6: Gambar satelit yang menunjukkan kedudukan tapak pelupusan Pulau Burung ([TPPBPLS](#)) (Sumber: Google Earth, 6 Julai 2007).



Rajah 0.7.7: Gambar satelit tapak pelupusan Pulau Burung yang menunjukkan paip utama, paip rektikulasi dan kolam takungan larut lesapan (Sumber: Google Earth, 6 Julai 2007).

### 2.22.3 Pengurusan Larut Lesapan

Larut lesapan yang dihasilkan dalam satu-satu tapak pelupusan adalah sejenis cecair yang menerusi sisa pepejal sambil membawa bersamanya bahan-bahan terlarut dan terampai yang berasal dari proses penguraian sisa pepejal tersebut. Larut lesapan yang terhasil di suatu tapak pelupusan sisa merupakan sejenis cecair (bendalir) yang terbentuk akibat olahan sisa pepejal yang membawa bersama menerusnya bahan-bahan terlarut dan terampai. Ianya berasal daripada proses penguraian yang berlaku

dalam sisa pepejal tersebut, Larut lesapan di tapak-tapak pelupusan perlu dikawal

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

kerana beberapa sebab antaranya;

i) untuk mengurangkan potensi ketirisan larut lesapan keluar dari tapak pelupusan;

ii) untuk mengawal paras larut lesapan supaya tidak melimpah keluar dan menyebabkan pencemaran yang tidak terkawal;

iii) untuk mempengaruhi proses yang boleh membawa kepada pembentukan gas serta kestabilan kimia dan biologi di tapak-tapak pelupusan sampahsisa pepejal;

iv) untuk meminimamminimumkan interaksi antara larut lesapan dan pelapik dan

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

v) untuk memastikan kestabilan sisa pepejal bagi kes tapak-tapak pelupusan di atas permukaan.

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Bagi mengawal larut lesapan tersebut, satu perancangan pengurusan larut lesapan perlu dibangunkan. Sebahagian daripada perancangan tersebut perlu mengandungi penerangan yang jelas tentang langkah-langkah yang perlu untuk mengurus larut lesapan dan meminimamminimumkan penghasilannya. Salah satu komponen utama yang perlu ada dalam pengurusan larut lesapan adalah kaedah-kaedah rawatolahan yang perlu untuk memenuhi keperluan piaawaistandardan pelupusan larut lesapan dan pada masa yang sama pemilihan kaedah juga perlu memenuhi kemampuan kewangan dan teknologi yang ada.

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

#### **2.32.4 Pembentukan dan Komposisi Larut Lesapan**

Komposisi larut lesapan sangat bergantung kepada ciri-ciri dan komposisi sisa buangan pepejal yang dilupuskan. Kepelbagaiannya menyebabkan ciri-ciri dan komposisi larut lesapan juga berbeza-beza. Selain dari komposisi sisa pepejal, faktor utama yang lain ialah darjah kemampatan sisa pepejal, cuaca, hidrologi tapak pelupusan, musim dan umur tapak pelupusan (Lema et. al., 1985).

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Font: (Default) Times New Roman


Formatted: Position: Horizontal: 317.4 pt, Relative to: Page, Vertical: 799.9 pt, Relative to: Page

Formatted: Font: (Default) Times New Roman


Komposisi larut lesapan ditentukan oleh umur tapak pelupusan dan darjah kestabilan sisa buangan. Banyak kajian mencadangkan bahawa kestabilan sisa buangan menuruti lima fasa yang jelas dan berturutan (Pohland dan Harper, 1985) seperti ditunjukkan dalam Rajah-rajah 2.8 dan 2.9, menunjukkan lima fasa berturutan bagi kestabilan tapak pelupusan. Oleh kerana tapak pelupusan mempunyai pelbagai bahagian atau sel, suatu tapak pelupusan tidak hanya terdapat satu fasa tetapi terdapat banyak fasa kestabilan yang wujud secara berkesinambungan.

Formatted: Font: (Default) Times New Roman  
Formatted: Font: (Default) Times New Roman  
Formatted: Font: (Default) Times New Roman


Formatted: Font: (Default) Times New Roman  
Formatted: Font: (Default) Times New Roman  
Formatted: Position: Horizontal: 317.4 pt, Relative to: Page, Vertical: 799.9 pt, Relative to: Page  
Formatted: Font: (Default) Times New Roman




- Formatted ... [31]
- Formatted ... [30]
- Formatted ... [49]
- Formatted ... [50]
- Formatted ... [36]
- Formatted ... [51]
- Formatted ... [52]
- Formatted ... [53]
- Formatted ... [40]
- Formatted ... [41]
- Formatted ... [37]
- Formatted ... [38]
- Formatted ... [42]
- Formatted ... [48]
- Formatted ... [43]
- Formatted ... [44]
- Formatted ... [39]
- Formatted ... [47]
- Formatted ... [45]
- Formatted ... [46]
- Formatted ... [34]
- Formatted ... [35]
- Formatted ... [32]
- Formatted ... [33]
- Formatted ... [29]
- Formatted ... [26]
- Formatted ... [27]
- Formatted ... [28]



Rajah 0.8<sup>2.8</sup>: Fasa-fasa yang berturutan bagi kestabilan larut lesapan (Sumber: Environmental Protection Agency, 2000).





Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Position: Horizontal:  
317.4 pt, Relative to: Page, Vertical:  
799.9 pt, Relative to: Page

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

## **Peringkat IV**

Rajah 0.92.9: Tahap-tahap penguraian bahan-bahan organik dalam larut lesapan  
(Sumber: Environmental Protection Agency, 2000)

### **2.3.12.4.1 Fasa I: Fasa pengubahsuaian awal**

Fasa ini berlaku serentak dengan penempatan awal sisa pepejal dan pengumpulan lembapan di tapak pelupusan. Pada tahap penguraian pertama ini, organisma aerobik akan menguraikan bahan organik kepada CO<sub>2</sub>, air dan sebahagiannya diurai kepada residu organik baki serta sedikit haba (McBean et al., 1995). Kuantiti oksigen yang tertimbus bersama sisa pepejal dan pergerakan udara keluar masuk yang terhad menyebabkan penguraian secara aerobik hanya dapat bertahan dalam tempoh yang singkat (Lu et al., 1985; McBean et al., 1995). Larut lesapan yang terbentuk semasa fasa ini dicirikan oleh pepejal terampai yang tinggi, dan kandungan garam terlarut yang tinggi sertadan secara relatifnya mengandungi

kurang aman spesis organik daripada penguraian aerobik (Lu et al., 1985; McBean et al., 1995).

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

#### **2.3.22.4.2 Fasa II: Fasa peralihan**

Fasa ini melibatkan peralihan daripada proses penguraian secara aerobik kepada anaerobik akibat kekurangan oksigen dalam media tapak pelupusan. Ini menjadikan tindakbalas secara penurunan lebih dominan di mana nitrat dan sulfat mengambil alih tempat oksigen sebagai penerima elektron dan oksigen digantikan dengan karbon dioksida.

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

#### **2.3.32.4.3 Fasa III: Fasa Pembentukan asid**

Kandungan oksigen dalam fasa ini terus berkurang menyebabkan sisa pepejal berada dalam kaedaan anaerobik dan menggalakkan proses penapaian. Proses ini mengakibatkan pengumpulan asid karboksilik dan pH menurun (Bazlaz dan Ham, 1993). Reinhart dan Grosh (1998) melaporkan bahawa nilai BOD dan COD yang tinggi dikesan semasa fasa ini. Nisbah BOD terhadap COD dalam fasa asid telah dilaporkan melebihi 0.4 (Ehrig, 1988) atau 0.7 (Robinson, 1995).

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

#### **2.3.42.4.4 Fasa IV: Fasa fermentasi Mmetana (metanogenik)**

Fasa ini bermula apabila kuantiti metana dihasilkan dalam kuantiti yang boleh diukur. Beberapa laporan menyatakan ianya hanya memerlukan beberapa tahun untuk mencapai fasa ini (Bazlaz dan Ham, 1993; Kruempelbeck dan Ehrig, 1999). Semasa fasa ini, asid karboksilik yang terkumpul semasa fasa pembentukan asid ditukarkan kepada metana dan karbon dioksida oleh bakteria metanogenik (Reinhart dan Grosh, 1998). Paras COD dan BOD mula berkurangan dan pH meningkat (Reinhart dan Grosh, 1998) akibat digunakan semasa proses ini (Bazlaz

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Font: (Default) Times New Roman

Formatted: Position: Horizontal: 317.4 pt, Relative to: Page, Vertical: 799.9 pt, Relative to: Page

Formatted: Font: (Default) Times New Roman